

b) yang menerima dua objek:

(a) Subjek + meN-...-i/-kan + objek 1 + objek 2
Kami akan *menghadiah* beliau sebuah novel.

O1 O2

Mahkamah telah *menjatuh* pesalah itu hukuman penjara.

O1 O2

(b) Subjek + meN-...-i/-kan + objek 2 + kata sendi + objek 1
Kami akan *menghadiahkan* sebuah novel kepada beliau.

O2 (ks) O1

Mahkamah telah *menjatuhkan* hukuman penjara terhadap pesalah itu.

O2 (ks) O1



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawapan yang betul.

- Pada setiap petang, ayah akan _____ basikal untuk tujuan beriadah.
A menaik B menaikkan
- Emak _____ beberapa sikat pisang ke dalam plastik untuk disedekahkan.
A memasuki B memasukkan
- Selepas makan tengah hari, emak akan _____ adik bongsu saya di dalam buaian.
A meniduri B menidurkan
- Saya _____ Cikgu Farizal di bilik kaunseling untuk membincangkan masalah peribadi.
A menemui B menemukan
- Saya telah _____ sejambak kunci di tepi padang semasa bersenam di sana.
A menemui B menemukan
- Kamil _____ air ke dalam botol untuk dibawa ke hutan semasa berkhemah.
A mengisi B mengisikan
- Abang _____ botol itu dengan air bersih untuk diminum semasa bersukan.
A mengisi B mengisikan
- Para pemandu _____ kereta untuk melihat kemalangan yang berlaku di situ.
A memperlahan B memperlahankan
- Saya amat _____ perlakuan pemuda yang tidak saya kenali itu.
A mencurigai B mencurigakan
- Perlakuan pemuda yang tidak dikenali itu memang _____ penduduk kampung.
A mencurigai B mencurigakan